



PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : PEGAWAI SAINS (Biokimia/Biomedikal/Fizik) GRED C41
(1 kekosongan)
- (b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA),
Kementerian Kesihatan Malaysia
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sains
2. Jadual Gaji :

| Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|--------------|---------------|-----------------------------|
| RM 2,317.00 | RM 9,620.00 | RM 225.00 |
3. Syarat Lantikan :
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Taraf Jawatan : **Contract of Service (COS)**
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai- pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Sains Gred C41 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Menjalankan tugas dan aktiviti di bawah Akta 737 antaranya:
 - memproses permohonan perlesenan establishmen, pendaftaran dan pengiklanan Peranti Perubatan;
 - memproses pendaftaran Badan Penilaian Pematuhan;
 - menjalankan aktiviti pemantauan dan pengawasan peranti perubatan;
 - menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pemeriksaan di lapangan; dan
 - membangunkan Dokumen Panduan, Garis Panduan, Kod dan Standard

7. Cara Memohon

: Permohonan hendaklah menggunakan "**Borang Permohonan Jawatan Kosong**" yang boleh didapati melalui laman sesawang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan di www.mda.gov.my.

Tulis nama jawatan yang dipohon di bahagian atas resume dan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat "**PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI SAINS C41 COS**";

Calon hendaklah menghantar salinan dokumen yang **telah diakui sah MENGIKUT SUSUNAN** berikut:

- i. Borang Permohonan Jawatan Kosong;
- ii. Resume Calon (berserta gambar berukuran passport);
- iii. Salinan Kad Pengenalan;
- iv. Salinan Sijil Kelahiran;
- v. Salinan Sijil Tamat Persekolahan;
- vi. Salinan STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- vii. Salinan Diploma/Ijazah berserta transkrip (sekiranya ada);
- viii. Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA/ MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS); dan
- ix. Lain-lain dokumen sokongan.


Ke alamat:

**UNIT KHIDMAT PENGURUSAN (SUMBER MANUSIA)
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
ARAS 6, PRIMA 9, PRIMA AVENUE II,
BLOK 3547, PERSIARAN APEC,
63000 CYBERJAYA, SELANGOR**

- (i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan Surat Pengesahan Perkhidmatan yang terkini.

- (ii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iii) Hanya calon-calon yang berkeelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

8. Tarikh Tutup Permohonan : 20 Julai 2023 (Khamis) jam 3.00 petang


(NURUL AINI BINTI SURIP)
Unit Khidmat Pengurusan
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh : 6 Julai 2023

